

01 OCT 2003

Islam-Perpaduan

KECINTAAN PM PADA KEAMANAN JADI TERAS PERPADUAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Kecintaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap perpaduan serta sayangnya terhadap Islam dan umat Islam, memikat para peserta Persidangan Antarabangsa Perpaduan Islam Abad ke-21 (ICMU-21) di sini.

Penolong Jabatan Majlis Fatwa dan Perhubungan Islam Emiriah Arab Bersatu Dr Ahmad Abdul Aziz Al-Haddad kagum dengan usaha Dr Mahathir dalam mempertahankan kewibawaan dan maruah umat Islam.

"Kami mendengar Dr Mahathir seorang yang sukakan perpaduan. Dia selalu memperjuang dan mempertahankan orang-orang Islam dan masalah yang dihadapi oleh ummah," katanya.

Dr Ahmad berkata beliau dan umat Islam negaranya kagum dengan kelantangan dan keberanian Perdana Menteri Malaysia itu dalam memperkatakan kebenaran di hadapan musuh Islam, katanya.

"Jikalau umat Islam kuat, kita tidak akan gentar dengan musuh. Ini yang dikehendaki oleh Allah. Allah mengkehendaki umat yang kuat, bersatu padu dan amanah. Dan boleh berkata tidak kepada musuh Islam," kata Dr Ahmad kepada Bernama hari ini.

Seramai 175 peserta dari pelbagai negara menyertai ICMU-21 yang berlangsung selama dua hari, bermula hari ini.

Para peserta yakin perpaduan umat Islam pasti menjadi kenyataan kelak dan Malaysia mampu menggerakkan usaha perpaduan itu, kata Dr Ahmad.

Peserta dari Nigeria, Ahmad Umar Ahmad berkata tidak mustahil untuk umat Islam seluruh dunia bersatu memandangkan mereka mengikut kitab dan ajaran yang sama yang dibawa oleh Nabi Muhammad.

"Orang Islam harus mengikut apa yang diarahkan oleh Allah dan apa yang dibawa oleh nabi. Alhamdulillah, usaha Malaysia ini merupakan percubaan yang amat dihargai oleh keseluruhan ummah. Kita boleh bersatu," katanya.

Peserta Palestin, Muhamad Al-Khatim berkata persoalan penting dalam perpaduan adalah kesatuan idea. Banyak pengajaran yang boleh didapati daripada ajaran yang disampaikan oleh Allah dalam usaha mewujudkan perpaduan.

"Setiap negara Islam harus memulakan perpaduan dari negara masing-masing dahulu, sebelum perpaduan ummah di seluruh dunia dapat dicapai. Usaha Malaysia sememangnya amat dialu-alukan," katanya.

Presiden Institut Antarabangsa Bagi Perpaduan Muslim (IIMU), Tan Sri Sanusi Junid yang ditemui selepas menyampaikan ucap tamanya pada persidangan itu berkata agenda perpaduan sering menjadi perkara akhir dalam susunan minat pemikir Islam.

"Kita mahu meleburkan prejudis antara ahli-ahli fikir, kerana orang-orang yang berfikir inilah yang mengajar orang-orang bawah untuk berkelahi, kalau kita boleh pastikan orang yang berfikir ini ke arah satu kiblat iaitu perpaduan, baru kita ada harapan untuk bersatu," katanya.

Menurut Sanusi usaha menyatupadukan umat Islam kini hanya dilakukan oleh pegawai kerajaan dan orang-orang dewasa dan berharap persidangan itu dapat mendekati golongan muda dan intelektual di universiti.

"Kita harus lihat kepada semua faktor dan kita kena beri keutamaan pada semua bidang, beri peluang sepenuhnya kepada semua ahli fikir, semua harus beri sumbangan, dengan itu perpaduan akan wujud," katanya.

Persidangan bertemakan Peluang dan Cabaran Umat Islam di Abad ke-21 itu menyaksikan 70 kertas kerja yang menyentuh pelbagai bidang termasuk ekonomi dan teknologi, dibentangkan.

-- BERNAMA
AY AHH LAT